

## **Zahid Hamidi Meluluskan Geran RM10 juta Kepada MBM.**

**By admin**

**May 15, 2016**

**Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister**

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi hari ini merasmikan Sambutan Hari Belia Negara 2016 di Dewan Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Universiti Putra Malaysia.

Zahid Hamidi juga turut meluluskan geran RM10 juta kepada Majlis Belia Malaysia (MBM) untuk pertubuhan bukan kerajaan itu bagi menggerakkan belia di seluruh negara secara aktif.

Zahid Hamidi juga berharap peruntukan RM10 juta itu digunakan sebaik mungkin oleh Majlis Belia Malaysia (MBM) bersama Majlis Belia Negeri (MBN).

Beliau berkata, kerajaan sentiasa menghargai jasa belia yang bersama-sama kerajaan menggerakkan pembangunan negara sehingga mencapai taraf Malaysia maju.

“Kita tidak pernah nafikan peranan belia, dalam apa jua situasi dan keadaan. Kita berdepan dengan belia dan merekalah yang menggerakkan pembangunan sosio negara”.

Zahid Hamidi yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, Hari Belia Negara adalah komitmen dan simbol kerajaan untuk meraikan peranan golongan itu dalam usaha melakukan transformasi masyarakat.

“Ini adalah sebahagian pendekatan Strategi Lautan Biru bersama universiti dan mendekatkan golongan mahasiswa”.

Zahid Hamidi mengucapkan tahniah kepada Khairy dan (KBS) Kementerian Belia dan Sukan kerana telah banyak memberi pendekatan baharu yang diperkenalkan kepada belia yang secara tidak langsung memberi kebaikan dalam kerajaan.

Beliau juga turut menyarankan agar KBS mengambil alih semula Tabung Usahawan Belia Malaysia (TUBM) bagi menjadi payung kepada semua pertubuhan dibawah MBM dan MBN.

Zahid Hamidi turut mengajak MBM dan MBN agar mengajak belia serta organisasi di seluruh negara untuk menggerakkan generasi muda terlibat dalam aktiviti yang diatur oleh kerajaan melalui KBS.

Turut hadir bersama ke Sambutan Hari Negara itu ialah Khairy Jamaluddin.

**Blog at WordPress.com.**

Source: <https://zahidhamidi.com/2016/05/15/zahid-hamidi-meluluskan-geran-rm10-juta-kepada-mbm/>